

The best tourist attractions in Putrajaya



A member of



Managed by MARINA PUTRAJAYA SDN. BHD.

SIARAN MEDIA

BERBUKA PUASA SAMBIL MENIKMATI KEINDAHAN CIPTAAN TUHAN

Putrajaya, 27 April 2017 – Berbuka puasa sambil menikmati keindahan alam anugerah Tuhan sambil menyusuri tasik dan menghirup udara segar sudah pasti akan memberi satu pengalaman yang berbeza berbanding berbuka puasa di tempat-tempat lain.

Bukan itu sahaja, Cruise Tasik Putrajaya turut menyediakan pilihan menu berbuka puasa yang menyelerakan seperti pelbagai jenis makanan “Nostalgia Kampung” dan *fusion* antaranya seperti Nasi Goreng Ikan Masin, Kueh Teow Goreng, Ayam Masak Merah, Ayam Masak Kurma, Ikan Pari Asam Pedas, Daging Masak Rendang, Udang Masak Lemak, sup serta pelbagai jenis kuih muih dan pencuci mulut.

Sambil menyusuri Tasik Putrajaya selama 1 jam 30 minit, pakej Ramadhan Fi Sofina ini mengekalkan harganya yang masih berpatutan iaitu RM127 sahaja bagi dewasa manakala harga bagi kanak-kanak dan warga emas adalah RM77. Bagi tempahan awal pula iaitu pada atau sebelum 21 Mei 2017, pelanggan boleh menikmati harga *earlybird* iaitu RM107 bagi dewasa manakala RM75 bagi kanak-kanak dan warga emas. Usia kanak-kanak adalah dari 5 sehingga 12 tahun dan warga emas pula berusia dari 60 tahun ke atas.

Di samping berbuka puasa bersama keluarga dan yang tersayang di Cruise Tasik Putrajaya, Marina Putrajaya Sdn. Bhd. (MPSB) juga menawarkan Pakej Seminar/Mesyuarat di bulan Ramadhan. Pakej ini adalah sangat bersesuaian bagi sektor korporat dan kerajaan yang ingin mengadakan seminar atau mesyuarat di bulan Ramadhan di mana mereka boleh memilih untuk berbuka sama ada di Bora Ombak Marina Putrajaya atau di Cruise Tasik Putrajaya selepas menghadiri mesyuarat atau seminar di Marina Putrajaya.

Bora Ombak Marina Putrajaya turut menawarkan pilihan menu “Nostalgia Kampung” seperti gulai kawah, asam pedas daging tetel, gulai darat daun kesom, daging bakar, ikan bakar, ayam bakar, aneka sambal, kambing golek, *western grille chicken* dan anika pasta *ala minute* dan macam-macam lagi. Harga bagi Pakej *Meeting & Seminar With Iftar* di Bora Ombak Marina Putrajaya adalah RM70 dan RM150 bagi Pakej *Meeting & Seminar With Iftar* di Cruise Tasik Putrajaya. Harga asal bagi Pakej *Meeting & Seminar* di Marina Putrajaya adalah RM140 manakala Pakej *Meeting & Seminar* di Cruise Tasik Putrajaya adalah RM212. Ini bermakna para pelanggan akan mendapat

potongan sebanyak 50% bagi Pakej *Meeting & Seminar* di Marina Putrajaya dan potongan sebanyak 30% bagi Pakej *Meeting & Seminar* di Cruise Tasik Putrajaya.

Ketua Pegawai Eksekutif MPSB, Dato' Zaharah Selamat berkata "Harga pakej yang ditawarkan amat berbaloi dan kami menjanjikan pengalaman berbuka puasa yang unik berbanding tempat lain. Sehubungan itu, saya berharap pakej ini akan dapat membantu meningkatkan lagi jualan kita pada bulan Ramadhan tahun ini berbanding tahun lepas", kata beliau.

Cruise Tasik Putrajaya dan Marina Putrajaya turut menyediakan ruangan tempat meletak kenderaan yang mencukupi dan ruangan untuk solat yang selesa buat para pengunjung.

Untuk maklumat lanjut atau membuat tempahan bagi pakej bufet Ramadhan Fi Sofina dan pakej Seminar atau Mesyuarat ini boleh menghubungi Jabatan Jualan MPSB di talian 03- 8888 3359 atau email kepada sales@cruisetasikputrajaya.com.



DATO' ZAHARAH SALAMAT

Ketua Pegawai Eksekutif
Marina Putrajaya Sdn. Bhd.

Tarikh: 27 April 2017